



Saiful Mujahid (tengah) menjadi tumpuan selepas mengadakan flashmob di KL Sentral.

## Pelajar bantah kenaikan

TAHUN ini menyaksikan pelbagai ujian dan musibah yang menimpa negara, dugaan yang bukan calang ke atas rakyat Malaysia, khususnya.

Malangnya, di tengah-tengah kemelut ekonomi yang melanda, kerajaan sekali lagi bertindak menaikkan hampir kesemua tambang pengangkutan awam dengan kadar yang tidak masuk akal, semacam tidak memahami situasi dan bebanan yang sudah pun terpicul oleh rakyat.

Pengerusi Majlis Politik Nasional, Gabungan Mahasiswa Islam Malaysia (Gamis), Saiful Mujahid Mohd Fadzil berkata, tambang KTMB baru-baru ini telah dinaikkan dari 11 sen/km kepada 15 sen/km. Tambang teksi dan bas awam juga sudah naik berikutan pelaksanaan GST tujuh bulan lalu. Kini ERL pula mengumumkan tambang tren jarak jauh akan meningkat dengan kadar yang mendadak. Satu lagi tamparan hebat buat pengguna pengangkutan awam.

"Mahasiswa dan rakyat mempersoalkan sejauh mana kerajaan memahami betapa kritikalnya nasib dan masa depan rakyat hari ini, khususnya mereka berpendapatan rendah serta mahasiswa yang masih lagi belajar dan tidak berpendapatan.

"Sabari kita berdepan kes jenayah ragut, rompak dan bunuh yang sebahagian besar berpunca daripada tekanan ekonomi, akhirnya membawa kepada tekanan. Keadaan ini jika tidak diselesaikan akan terus mengancam nyawa dan keselamatan awam," katanya.

Tegas Saiful Mujahid, sehingga hari ini mahasiswa masih lagi menanti justifikasi yang lengkap berfakta daripada kerajaan berkenaan kenaikan tambang pengangkutan awam.

"Kita persoalkan kenapa terburu-buru naikkan sekarang? Di tengah-tengah situasi semua barang naik, termasuk minyak dan tol, sepatutnya pengangkutan awam menjadi pilihan alternatif kepada rakyat. Apa pula rasional sebuah syarikat seperti KTMB sebagai satu-satunya badan yang monopoli

industri pengangkutan tren naikan tambang?" soalnya.

Ujarnya, berikutan kemelut ekonomi melanda negara, kos sara hidup melambung tinggi dan tekanan hidup yang semakin menghimpit rakyat, mahasiswa begitu memerlukan satu pergerakan untuk membela nasib rakyat.

Justeru itu, sekumpulan mahasiswa melancarkan Gerakan Turunkan Tambang yang menumpukan kepada permasalahan kenaikan tambang dengan beberapa tuntutan terhadap kerajaan.

"Mahasiswa melihat pengangkutan awam sebagai kemudahan asas yang diguna pakai segenap lapisan masyarakat, sederhana mahupun miskin, oleh itu menjadi kewajipan kerajaan untuk memastikan kemudahan ini terus konsisten sebagai mampu guna pakai oleh semua," katanya.

Tambahnya, Gerakan Turunkan Tambang suatu medan baharu yang mampu menyatukan mahasiswa dan rakyat merentasi parti politik, kaum juga agama, dan mewakili suara rakyat dalam menentang isu tambang yang dibawa.

Katanya, demi kesejahteraan rakyat dan negara dengan itu, Gamis telah mengadakan flashmob untuk membantah kenaikan ini. Perhimpunan itu diadakan secara aman pada Jumaat lalu.

### INFO PENGANGKUTAN AWAM TERDIRI DARIPADA:

- Bas
- Rel
- Teksi

### PENGANGKUTAN REL TERMASUK:

- Transit aliran ringan (LRT)
- KTM Komuter
- KL Monorail
- Express Rail Link
- KLIA Express
- KLIA Transit

# Mahasiswa tertekan

Kenaikan tambang pengangkutan awam jejas kos sara hidup

Pengumuman kenaikan tambang pengangkutan awam menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan mahasiswa, bahkan kepada seluruh rakyat Malaysia amnya.

Mahasiswa adalah golongan yang paling terkesan kerana satu daripada kategori pengguna utama pengangkutan awam, selain kumpulan belia dan mereka yang bekerja.

Secara sedemikian, peningkatan kos pengangkutan awam ini tempasnya juga kepada ibu bapa kerana selain sumber kewangan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), ibu bapa perlu menambah jumlah peruntukan perbelanjaan yang disediakan untuk anak mereka.

Rentetan ini, berkemungkinan juga akan berlaku kesan buruk ke atas mahasiswa seperti hilang minat untuk belajar kerana tertekan memikirkan soal kewangan, seterusnya ambil jalan mudah dengan berhenti dan mencari kerja.

Isu ini juga mendapat kritikan dan perhatian ramai ketika Persidangan Agung Umno (PAU),

baru-baru ini.

Berucap semasa sesi penggulungan di perhimpunan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kenaikan tambang Express Rail Link (ERL) dari RM35 kepada RM55 yang akan bermula pada tahun hadapan terpaksa dibuat berdasarkan perjanjian konsesi jangka panjang yang ditandatangani antara kerajaan dan syarikat YTL sejak 1997.

"Selama 14 tahun tak naik tapi pampasannya RM2.9 bilion. Sebab itulah kita terpaksa naikkan kepada RM55. Kalau tidak, kita parah," katanya.

Rasional kenaikan itu juga adalah disebabkan pihak kerajaan telah berbelanja berjuta-juta ringgit untuk meningkatkan mutu dan kesediaan pengangkutan awam di Lembah Klang.

Ikuti kupasan dan pandangan daripada beberapa wakil siswa siswi dalam *Isu Kampus*.



## Diskaun seperti tiada fungsi

"BENAR, diskaun mampu meringankan beban, namun jika diteliti, apakah fungsi sekiranya tambang yang naik hampir 70 peratus manakala diskaun sekitar 50 peratus. Jika dibandingkan, tambang sebelum naik dan tambang selepas naik (tolak diskaun) masih menunjukkan peningkatan.

"Mahasiswa terus terbeban dengan perkara ini. Tambahan pula, mekanisme yang digunakan untuk urus diskaun bersifat untuk mesra," kata Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Syzrul

Yahya.

Soalnya, kebanyakan pengguna memilih pengangkutan awam setiap hari kerana ingin mengurangkan kos harian. Namun, jika tambang pula naik, apakah kaedah terbaik untuk masyarakat guna?

"Mahasiswa yang bekerja sambil belajar bukan kaedah terbaik dalam menangani kos sara hidup," ujarnya.

## Perlu lebih potongan

"SAYA yakin dan percaya semua penuntut di IPTA dan IPTS akan berasa beban terhadap kenaikan harga kos pengangkutan awam. Hal ini kerana bukan semua keluarga siswa-siswi daripada golongan berada.

"Akan timbul kesukaran kepada penuntut untuk pulang ke kampung halaman berjumpa keluarga, memandangkan sumber kewangan terhad kerana kenaikan tambang ini," tegas Biro Sukun dan Pembangunan Belia Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Mohamad Zulfazli Mohamad Hisam.

Mohamad Zulfazli juga bersetuju dengan diskaun harga yang dicadangkan sebanyak 50 peratus kepada golongan pelajar akan tetapi potongan harga ini perlulah dilakukan kepada semua golongan.

"Bukan semua mahasiswa hidup senang, seperti lepasan siswazah yang baru hendak memulakan pekerjaan, sudah pasti menggunakan pengangkutan awam bagi menjimatkan kos dan tentunya tiada potongan harga kerana mereka bukan lagi bergelar pelajar," katanya.

Tambahnya, kenaikan kos pengangkutan amat tidak relevan kerana negara kita sedang mengalami ketidakstabilan ekonomi. Semua barang keperluan telah naik, jadi ia akan menjadi beban kepada mahasiswa dan rakyat.

Selain itu, akunya, kenaikan kos sara hidup membebaskan mahasiswa dan ibu bapa juga terkena tempasnya akibat peruntukan perbelanjaan yang diberikan

tidak cukup kerana kenaikan harga barang.

"Sekiranya mahasiswa tidak mempunyai kewangan yang cukup, ia akan beri kesan yang amat serius, contohnya yuran pengajian yang perlu dibayar pada awal semester tidak dapat dilangsungkan. Oleh itu, mahasiswa tidak dapat melanjutkan pelajaran. Jadi, ada kemungkinan mereka akan mula memikirkan untuk cari kerja atau ambil keputusan berhenti belajar," katanya.

Menurut beliau, potongan harga tambang pengangkutan awam sebanyak 50 peratus itu adalah satu cadangan yang baik, selain memperkasakan Kad Diskaun Mahasiswa dengan lebih banyak potongan harga, kerana sebelum ini hanya lima peratus sahaja.



## 50 peratus tidak memadai

PELAKSANAAN kenaikan kos pengangkutan awam terhadap rakyat Malaysia akan membebaskan terutama mahasiswa yang masih belum berpendapatan tetap.

Menurut Presiden Persatuan Mahasiswa Islam, Universiti Malaya (PMIUM), Muhammad Wafiuddin Rosli, matlamat utama penubuhan pengangkutan awam ialah meringankan beban kos sara hidup rakyat Malaysia, namun selepas peningkatan kos pengangkutan awam ia mendorong rakyat untuk berkenderaan sendiri lalu mengakibatkan kesesakan lalu-lintas serta pencemaran udara.

Tambah beliau, tindakan pihak kerajaan menyediakan 50 peratus diskaun untuk pengguna pengangkutan awam termasuk golongan pelajar tidak memadai kerana kadar diskaun itu tidak diselarasakan kepada semua jenis pengangkutan awam seperti perkhidmatan teksi dan bas.

Beliau mempersoalkan bagaimana dengan nasib pelajar dari luar Lembah Klang yang tidak menikmati kadar diskaun ERL dan LRT tetapi tetap berdepan dengan kenaikan kos sara hidup mereka.

Kenaikan kos pengangkutan awam adalah tidak relevan sama sekali terhadap rakyat yang majoritinya berpendapatan rendah.

Tambahan pula dengan kenaikan kos sara hidup, ia akan membentuk jurang ekonomi yang sangat luas antara golongan kaya dan miskin. Jelasnya, dengan

situasi kenaikan kos sara hidup ini, ia boleh mendesak mahasiswa mencari sumber pendapatan sendiri dengan bekerja separuh masa.

Hal ini membantutkan fokus utama mahasiswa untuk menuntut ilmu dan berkemungkinan akan terpalit ke kancas masalah pekerjaan sampingan.

"Fokus dalam meningkatkan pendapatan harian mahasiswa yang pada awalnya bertujuan menyara kos sara hidup sementara sebagai mahasiswa telah berubah kepada memastikan kejayaan mereka dalam menguruskan kerjaya.

"Oleh itu, kepentingan memperoleh ijazah sarjana muda sudah tidak lagi menjadi rebutan mahasiswa kerana berpendapat jika bergelar graduan sekalipun mereka bakal menganggur dan sukar mendapat tempat di alam pekerjaan," katanya.

Selain itu, katanya, kos sara hidup bagi seorang mahasiswa atau rakyat merangkumi semua aspek perbelanjaan hari-hari untuk keperluan asas kehidupan.

"Kerajaan perlu mengkaji semula pelaksanaan peningkatan kos pengangkutan awam terutamanya kerana rakyat atau mahasiswa telah terbeban dengan pelaksanaan GST dan peningkatan harga tol.

"Setiap hasil daripada peningkatan harga yang telah dilaksanakan hendaklah disalurkan kembali kepada rakyat supaya tidak berlaku ketirisan dalam menguruskan aset negara," katanya.

## Membebankan ramai pihak

"KENAIKAN tambang ini banyak memberi impak buruk kepada ekonomi dan perbelanjaan mahasiswa. Pengangkutan awam menjadi pilihan utama sebahagian besar mahasiswa kerana tambang yang murah dan berpatutan daripada perkhidmatan pengangkutan awam lain seperti teksi dan sebagainya," kata penuntut tahun akhir, Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Siti Nur Zakiah Abdullah.

Menurutnya, mahasiswa kini bagai sudah jatuh ditimpa tangga, dengan kos perbelanjaan harian yang semakin meningkat, kini dihimpit pula dengan kenaikan harga pengangkutan awam.

Kenaikan ini tidak relevan, kerana rakyat sudah pun dibebankan dengan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan pelbagai kenaikan lain.

Jika golongan orang kaya berasakan perkara ini tidak relevan dan membebankan mereka, apatah lagi rakyat yang majoritinya berpendapatan rendah. Diskaun 50 peratus untuk pengguna termasuk mahasiswa, belum memadai.

"Diskaun sahaja tidak memadai jika mutu perkhidmatan pengangkutan awam tidak dibaiki dan diletakkan sebagai keutamaan.

"Apa guna kami bayar harga mahal tetapi perkhidmatan tidak memuaskan? Jika dilihat, kebanyakan syarikat bas ekspres mempunyai mutu perkhidmatan tidak memuaskan.

"Hal ini amat membahayakan nyawa penumpang dan juga pengguna jalan raya serta lebuhraya," katanya.

Siti Nur Zakiah berkongsi cerita mengenai dirinya yang bergantung sepenuhnya pada PTPTN kerana tidak mahu bebaskan keluarga.

"Saya anak yatim piatu, setiap semester saya belanjakan sepenuhnya wang PTPTN. Itu pun tidak cukup hingga keakhir semester, akan ada satu ketika terpaksa ikat perut semata-mata untuk jimat wang belanja bagi kegunaan sehingga tamat semester.

"Sebenarnya ramai lagi mahasiswa keadaannya lebih susah. Ada juga segelintir mengagihkan sebahagian wang PTPTN kepada keluarga di kampung. Ini menunjukkan rakyat sangat terbeban dengan ekonomi masa kini. Ada kenalan saya, hampir berhenti belajar kerana tidak mampu bayar yuran, sedangkan dia sudah berada di tahun tiga pengajian. Nilai RM50 kini sudah 'kurang' apatah lagi RM10," katanya.

Zakiah bagaimanapun mencadangkan agar kerajaan menambah fungsi Kad Siswa. Kepelbagaian itu termasuklah kelebihan diskaun kepada mahasiswa supaya boleh diaplikasikan untuk pelbagai jenis pengangkutan awam.



## Kaji semula kenaikan

PUTERI dalam Perhimpunan Agung Umno tampil mendesak kerajaan mengkaji semula keputusan menaikkan harga pengangkutan awam yang dilihat dibuat secara mendadak.

Ketuanya, Datuk Mas Ermeyati Samsudin berkata, langkah itu dilihat perlu memandangkan kenaikan tersebut menambah tekanan kos sara hidup, terutama golongan muda.

"Kami mendesak pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk mengkaji semula dan merasionalisasikan kenaikan harga pengangkutan awam yang membebaskan pengguna melalui kenaikan tambang LRT serta ERL

yang mendadak serta pengenalan tambang yang agak tinggi bagi perkhidmatan baharu iaitu Bus Rapid Transit (BRT).

"Kerisauan orang muda kini adalah tekanan kos sara hidup yang

meningkat. Warga kota amat terkesan dengan ketidakstabilan ekonomi yang ketara," katanya ketika merasmikan sayap Puteri di Perhimpunan Agung Umno 2015, baru-baru ini.

Tambah beliau, perkara utama yang mempengaruhi kos kehidupan wanita muda adalah pendapatan bulanan yang tidak seimbang dengan kos sara hidup merangkumi kos pengangkutan, tempat tinggal dan keperluan menyimpan untuk masa depan.

"Statistik menunjukkan lebih 50 peratus pengguna pengangkutan awam adalah dari kumpulan umur di bawah 35 tahun dan 52 peratus pengguna itu adalah golongan pelajar. Kita perlu sedar matlamat memperkasakan perkhidmatan pengangkutan awam agar kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan melalui lebih banyak pilihan mod pengangkutan dengan kos berpatutan.

"Jika kita gagal menarik minat kumpulan sasaran ini, matlamat jangka panjang menjadikan sistem pengangkutan awam sebagai pilihan nombor satu tidak dicapai dan ini akan menyebabkan negara ketinggalan merealisasikan matlamat pembangunan lestari yang merupakan trend pembangunan global," katanya.

